BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 03/18/07

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1700 hari Rabu, 28 Mac 2018

Bank Negara Malaysia Laporan Tahunan 2017

Tahun 2017 menyaksikan ekonomi kembali kukuh, dengan ekonomi global mencatat pertumbuhan yang tertinggi sejak tahun 2011. Pertumbuhan perdagangan dunia melebihi pertumbuhan KDNK global untuk kali pertama dalam tempoh tiga tahun. Pertumbuhan ekonomi melonjak secara menyeluruh merentas ekonomi maju dan ekonomi yang sedang pesat membangun. Dalam ekonomi maju, pertumbuhan ekonomi dipacu terutamanya oleh aktiviti pelaburan yang teguh dalam keadaan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Sementara itu, ketidakpastian dalam senario politik yang berlaku sepanjang tahun 2017 tidak meninggalkan banyak kesan terhadap trajektori pertumbuhan. Di Asia, momentum pertumbuhan disokong oleh pemulihan dalam perdagangan global dan diperkukuh oleh permintaan dalam negeri yang mantap. Prestasi pasaran kewangan antarabangsa menjadi kukuh, mencerminkan kebangkitan pertumbuhan global. Manakala, volatiliti pasaran pula kekal rendah meskipun ketidakpastian dalam ketegangan geopolitik masih wujud. Sungguhpun kadar inflasi keseluruhan global meningkat pada tahun itu sejajar dengan keadaan permintaan global yang bertambah baik serta pemulihan dalam harga komoditi, inflasi teras di kebanyakan negara kekal rendah.

Walaupun pemulihan pertumbuhan global tampak selaras, pendirian dasar monetari pula berbeza-beza pada peringkat global. Dalam ekonomi maju, dasar monetari secara amnya cenderung ke arah pengembalian ke tahap wajar secara beransur-ansur, disokong oleh keadaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Federal Reserve AS dan Bank of England telah menaikkan kadar dasar, manakala European Central Bank mengumumkan pengurangan pembelian asetnya. Berbeza daripada ekonomi maju, beberapa ekonomi Asia, seperti Indonesia dan India, beralih kepada pendirian yang lebih akomodatif dalam keadaan inflasi yang semakin menurun. Di samping dasar monetari, beberapa ekonomi maju juga menggunakan dasar fiskal untuk memperkukuh asas-asas makroekonomi. Di Asia, pembuat dasar terus melaksanakan pembaharuan struktur bagi meningkatkan daya tahan dan mengukuhkan prospek pertumbuhan yang mampan.

Berdepan dengan pemulihan global yang menyeluruh dan volatiliti yang rendah dalam pasaran kewangan antarabangsa, ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang kukuh pada tahun 2017. Laporan Tahunan ini memberikan analisis tentang perkembangan ekonomi Malaysia dan menggariskan cabaran masa depan. Laporan ini juga memaparkan usaha Bank yang berterusan untuk memperkukuh tadbir urus, pembangunan organisasi dan komunikasinya.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2017

Pada tahun 2017, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.9% (2016: 4.2%), disokong oleh pengembangan yang lebih pesat dalam perbelanjaan sektor swasta dan awam. Pencapaian penting pada tahun 2017 ialah peningkatan eksport kasar, ekoran permintaan global yang semakin kukuh. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi daripada rakan perdagangan utama berikutan peningkatan pesat dalam kitaran teknologi global, pengembangan pelaburan dalam negara maju dan pemulihan harga komoditi. Pada keseluruhannya, peningkatan teknologi global menyebabkan permintaan terhadap produk elektronik dan elektrik (E&E) menjadi lebih kukuh, manakala permintaan serantau yang lebih teguh, dan pemulihan aktiviti pelaburan dalam ekonomi maju turut meningkatkan eksport produk bukan E&E. Eksport komoditi juga mengalami pemulihan pada tahun 2017, disokong terutamanya oleh pemulihan harga komoditi utama.

Meskipun pertumbuhan KDNK benar dirangsang oleh sektor luaran, namun permintaan dalam negeri terus menjadi teras kepada pertumbuhan. Khususnya, pertumbuhan penggunaan swasta meningkat kepada 7.0% pada tahun 2017 (2016: 6.0%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan berterusan upah dan guna tenaga, dengan rangsangan tambahan daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan. Pertumbuhan penggunaan awam meningkat sebanyak 5.4% (2016: 0.9%), disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan oleh Kerajaan Persekutuan dalam keadaan pertumbuhan emolumen yang mampan. Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 6.2% (2016: 2.7%), didorong oleh pelaburan awam dan swasta yang meningkat. Pelaburan awam mencatat pemulihan dan meningkat pada kadar 0.1% (2016: -0.5%), disokong oleh perbelanjaan yang berterusan oleh Kerajaan Am dan perbadanan awam. Pertumbuhan pelaburan swasta meningkat dengan pesat kepada 9.3% (2016: 4.3%), kerana syarikat berjaya memanfaatkan persekitaran operasi luaran dan dalam negeri yang kondusif.

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2017. Prestasi dua sektor terbesar, iaitu perkhidmatan dan perkilangan, mendapat manfaat daripada peningkatan keadaan dalam negeri

dan luaran yang pesat, masing-masing berkembang pada kadar 6.2% dan 6.0% (2016: 5.6% dan 4.4%). Sektor pembinaan pula mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 6.7% (2016: 7.4%), manakala pertumbuhan pengeluaran pertanian melonjak kepada 7.2% (2016: -5.1%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam sektor perlombongan menjadi sederhana kepada 1.1% (2016: 2.2%), mencerminkan pelarasan bekalan minyak mentah oleh PETRONAS secara sukarela, sejajar dengan perjanjian Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (Organization of Petroleum Exporting Countries, OPEC) untuk membataskan pengeluaran minyak mentah sehingga akhir tahun 2018.

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik dengan peningkatan guna tenaga yang bertambah kukuh seiring dengan pengembangan tenaga kerja. Tenaga kerja berkembang sebanyak 303,000 pekerja, sementara pewujudan pekerjaan bersih berjumlah 295,000 pekerjaan, kebanyakannya dipacu oleh pekerja berkemahiran tinggi dan pertengahan.. Kadar pengangguran kekal stabil pada 3.4% (2016: 3.4%).Kadar penyertaan tenaga kerja meningkat kepada 67.8% (2016: 67.7%) dan guna tenaga berkembang tiga kali ganda kepada 2.1% (2016: 0.7%), disebabkan keyakinan majikan tentang prospek perniagaan dan dengan itu, terus mengembangkan tenaga kerja mereka mengikut keperluan. Bilangan pekerja asing tidak mahir dan separuh mahir di Malaysia yang berdaftar telah menurun, dengan bahagiannya dalam tenaga kerja turut menurun kepada 12.0% daripada 12.7% pada akhir tahun 2016. Upah nominal agregat dalam sektor swasta dan awam masing-masing meningkat sebanyak 6.4% dan 6.2% pada tahun 2017 (2016: 4.3% dan 6.4%).

Inflasi keseluruhan meningkat kepada 3.7% pada tahun 2017 (2016: 2.1%). Inflasi masih mengalami volatiliti dan didorong terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi. Harga komoditi global yang meningkat dan gangguan bekalan makanan dalam negeri juga menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, tekanan inflasi ini dikurangkan oleh kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh sejak bulan April 2017, yang membantu mengawal peningkatan dalam kos pengeluaran bagi barangan dalam negeri. Inflasi teras juga lebih tinggi pada tahun 2017, dengan kadar purata 2.3% (2016: 2.1%). , Tekanan inflasi sebahagian besarnya kekal stabil memandangkan pengurangan dalam stok modal tidak berterusan dan ketiadaan tekanan gaji yang ketara.

Kedudukan luaran Malaysia meningkat dengan ketara dengan mendapat manfaat daripada landskap ekonomi global yang menggalakkan dan volatiliti yang secara relatifnya lebih rendah dalam pasaran kewangan antarabangsa. Akaun semasa mencatat lebihan yang lebih besar, disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih tinggi berikutan prestasi eksport yang

kukuh. Lebihan dagangan tersebut dapat mengimbangi peningkatan dalam defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan primer. Eksport kasar melonjak dengan ketara sebanyak 18.9% (2016: 1.2%), dipacu terutamanya oleh jumlah eksport, khususnya eksport perkilangan. Import kasar juga mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 19.9% (2016: 1.9%), mencerminkan terutamanya import yang lebih tinggi bagi barangan pengantara, barangan modal, dan barangan untuk eksport semula. Pertambahan dalam import ini selaras dengan eksport perkilangan yang mantap, pelaburan yang lebih pesat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, serta permintaan global yang kukuh.

Pada tahun 2017, akaun kewangan dalam imbangan pembayaran mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM2.3 bilion (2016: aliran keluar bersih sebanyak RM1.1 bilion). Aliran masuk ini dipacu terutamanya oleh aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) yang berterusan, dan pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin yang masuk semula, dalam keadaan pemerolehan aset kewangan luar negara yang berterusan dan pelaburan jangka panjang oleh syarikat pemastautin, pelabur institusi dan pengurus dana. Perkembangan ini mencerminkan aliran modal merentas sempadan yang ketara, didorong oleh pertumbuhan dalam negeri yang kukuh, prospek pertumbuhan global yang bertambah baik dan volatiliti yang lebih rendah dalam pasaran kewangan pada tahun itu.

Pada akhir tahun 2017, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD102.4 bilion berbanding dengan USD94.5 bilion pada akhir tahun 2016. Pada 15 Mac 2018, rizab antarabangsa berjumlah USD103.9 bilion. Rizab antarabangsa kekal mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa dan cukup untuk membiayai 7.3 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Yang penting, kepelbagaian instrumen dasar monetari, kadar pertukaran yang fleksibel dan pasaran kewangan yang berdaya tahan telah menyebabkan ekonomi negara mampu mengurangkan pergantungan pada rizab antarabangsa Bank dalam menguruskan tekanan luaran.

Hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM883.4 bilion pada akhir tahun 2017, bersamaan dengan USD215.5 bilion atau 65.3% daripada KDNK (2016: RM916.1 bilion, bersamaan dengan USD202.3 bilion atau 74.5% daripada KDNK). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang pada tahun itu. Tidak termasuk kesan penilaian ini, hutang luar negeri Malaysia meningkat sebanyak 1.4% daripada KDNK, disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam peminjaman antara bank dan deposit oleh bukan pemastautin. Risiko yang timbul daripada hutang luar negeri kekal terurus, dengan risiko dikurangkan oleh profil mata wang dan tempoh

matangnya. Lebih daripada satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (34.3%), terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang ringgit domestik dan deposit ringgit dalam institusi perbankan domestik yang dipegang oleh bukan pemastautin. Liabiliti ini tidak tertakluk pada perubahan penilaian akibat turun naik kadar pertukaran. Bahagian selebihnya daripada jumlah hutang luar negeri sebanyak RM580.7 bilion (65.7% bahagian) adalah dalam mata wang asing, yang tertakluk pada keperluan kehematan dan perlindungan nilai terhadap institusi perbankan dan entiti korporat. Dari perspektif tempoh matang, lebih daripada separuh jumlah hutang luar negeri cenderung ke arah tempoh berjangka sederhana hingga panjang (57.3% daripada jumlah hutang luar negeri), yang menggambarkan risiko pelanjutan yang terhad. Di samping itu, tidak semua hutang luar negeri jangka pendek mempunyai tuntutan ke atas rizab.

Secara keseluruhan, asas-asas ekonomi Malaysia terus kukuh. Dasar struktur yang dilaksanakan selama ini telah menghasilkan ekonomi yang sangat terbuka dan pelbagai, dengan beberapa sumber pertumbuhan. Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dalam keadaan pertumbuhan upah yang lebih cepat terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Institusi kewangan yang kukuh dan mudah tunai dalam negeri yang mencukupi juga memastikan pengantaraan kewangan yang teratur. Selain itu, kedudukan luaran Malaysia kekal kukuh dan dilindungi dengan baik daripada susut nilai kadar pertukaran yang mendadak, disokong oleh rizab antarabangsa yang kekal mencukupi dan paras hutang luar negeri yang terurus.

Meskipun pertumbuhan yang kukuh dicatat pada tahun 2017, pembaharuan struktur kekal menjadi keutamaan bagi mengukuhkan asas-asas ekonomi dan bagi memelihara kemampanan momentum pertumbuhan. Pembaharuan ini termasuk usaha meningkatkan nilai ditambah dalam negeri dalam pengeluaran dan eksport, menggalakkan pelaburan dalam negeri dan pelaburan asing yang lebih berkualiti, meningkatkan produktiviti dan membentuk tenaga kerja yang mempunyai kualiti bersedia-untuk-masa depan.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2017

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% sepanjang tahun 2017, dengan penumpuan pada usaha memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia kekal kukuh dalam keadaan inflasi yang terkawal. Pada tahun itu, MPC dengan aktifnya membuat penilaian dari semasa ke semasa ke atas pendirian dasar monetari bagi memastikan pendirian itu konsisten dengan prospek pertumbuhan dan inflasi. Khususnya, risiko pertumbuhan ekonomi domestik yang lebih perlahan yang kelihatan

lebih ketara pada awal tahun itu disebabkan oleh faktor luaran, telah menjadi semakin berkurang dalam keadaan peningkatan pertumbuhan global yang lebih meluas dan terselaras. Keadaan ini menghasilkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lebih tinggi berbanding dengan ramalan awal. Inflasi kekal terkawal memandangkan permintaan dalam negeri yang kukuh diimbangi oleh lebihan keupayaan dalam pasaran pekerja dan stok modal.

MPC juga sentiasa berwaspada terhadap pertambahan risiko yang mungkin timbul daripada kadar faedah yang terlalu rendah untuk tempoh yang berpanjangan. Sepanjang tahun 2017, keadaan ekonomi yang mendorong pengurangan OPR pada tahun 2016 telah menjadi jauh lebih baik. Oleh yang demikian, pada bulan November, MPC menyatakan dalam Pernyataan Dasar Monetari pertimbangannya untuk mengkaji semula tahap akomodatif monetari. Pelarasan ini akan mencerminkan pengembalian keadaan monetari ke tahap akomodatif yang ada sebelum penurunan OPR pada bulan Julai 2016, dan bukannya keadaan monetari yang ketat.

Sejajar dengan prestasi kebanyakan mata wang utama dan serantau, ringgit menjadi kukuh berbanding dengan dolar AS pada tahun 2017. Ringgit menambah nilai sebanyak 10.4% untuk mengakhiri tahun itu pada RM4.0620 berbanding dengan dolar AS, selepas mengalami penyusutan nilai selamaempat tahun berturut-turut. Ringgit juga merupakan salah satu daripada mata wang serantau yang menunjukkan prestasi terbaik meskipun menyusut nilai beberapa kali disebabkan oleh peristiwa penghindaran risiko (risk-off) oleh pelabur pada tahun itu. Kekukuhan ringgit juga mencerminkan prestasi pertumbuhan KDNK yang lebih baik daripada jangkaan, sentimen pelabur yang positif berikutan langkah susulan liberalisasi pasaran kewangan, dan perkembangan global yang positif. Pada suku pertama tahun 2017, penambahan nilai ringgit adalah agak terhad akibat kebimbangan pelabur mengenai prospek pasaran kewangan. Kebimbangan itu mencerminkan terutamanya persepsi yang salah mengenai langkah liberalisasi yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Market Committee, FMC) pada bulan Disember 2016, dan kurangnya pemahaman mengenai kemudahan perlindungan nilai dalam negeri dalam kalangan pelabur asing. Dalam tempoh yang berikutnya, sentimen terhadap ringgit dan pasaran kewangan Malaysia menjadi bertambah baik, dipacu terutamanya oleh perkembangan dalam negeri yang positif. Ringgit menambah nilai sebanyak 9.0% berbanding dengan dolar AS mulai suku kedua dan seterusnya.

Selain itu, ringgit juga merupakan antara mata wang yang paling stabil, meskipun terdapat beberapa tempoh tekanan penyusutan nilai yang disebabkan oleh sentimen penghindaran risiko dalam pasaran kewangan global. Kestabilan ringgit menunjukkan dengan jelas keberkesanan langkah-

langkah pembangunan pasaran kewangan yang diperkenalkan oleh FMC pada lewat tahun 2016 dan 2017. Hasil daripada langkah-langkah ini, mudah tunai dalam pasaran pertukaran asing domestik bertambah baik dan volatiliti ringgit berbanding dengan dolar AS juga menurun. Ringgit juga mengalami permintaan dan penawaran yang lebih seimbang selepas pengenalan langkah pertukaran hasil eksport dalam mata wang asing. Bank juga telah mengambil langkah untuk menangani beberapa persepsi salah dan kebimbangan tentang Malaysia yang telah menyebabkan berlakunya pergerakan ringgit yang berlebihan, khususnya berhubung dengan kebergantungan ekonomi Malaysia kepada sektor minyak, kecukupan rizab antarabangsa dan kedudukan fiskal Kerajaan.

Pada tahun 2017, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) menurun didorong oleh aliran masuk bukan pemastautin yang berterusan dan sokongan yang kuat daripada pelabur institusi domestik. Perkembangan tersebut didorong oleh prestasi ekonomi yang kukuh. Pada suku pertama tahun 2017, pasaran bon mengalami aliran keluar bukan pemastautin yang besar, dipacu terutamanya oleh pelupusan kedudukan spekulatif jangka pendek yang dipegang oleh institusi kewangan dan pengurus aset bukan pemastautin, berikutan pengenalan langkah-langkah FMC dan keputusan pilihan raya presiden AS pada lewat tahun 2016. Pada suku-suku tahun yang seterusnya, aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon domestik kembali pulih dalam keadaan sentimen pelabur yang bertambah baik hasil daripada prestasi ekonomi yang kukuh sepanjang tahun. Inisiatif FMC siri kedua yang diumumkan pada bulan April 2017 untuk membuka lagi akses kepada pasaran dan memberikan fleksibiliti perlindungan nilai yang lebih baik, berserta perbincangan aktif antara Bank dengan peserta pasaran untuk mengurangkan salah anggap mengenai langkah-langkah FMC yang diumumkan sebelum ini, turut menyokong pasaran bon. Keadaan ini menyebabkan kadar hasil MGS menurun pada tempoh itu.

Operasi monetari pada tahun 2017 terus terus menjurus kepada usaha mengekalkan kestabilan dalam pasaran antara bank. Pada suku pertama tahun itu, mudah tunai dalam negeri menjadi sederhana sedikit berikutan aliran keluar modal. Namun, aliran keluar ini telah diimbangi oleh operasi suntikan mudah tunai menerusi kemudahan repo berbalik dan swap pertukaran asing. Apabila aliran masuk modal kembali pulih dari suku kedua dan seterusnya, Bank dapat mengurangkan operasi suntikan mudah tunainya. Mudah tunai sistem perbankan secara keseluruhannya kekal mencukupi untuk menyokong proses pengantaraan kewangan.

Pembiayaan bersih kepada sektor swasta berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 6.4% pada tahun 2017 (2016: 5.5%), didorong oleh pembiayaan melalui pasaran bon korporat, yang mencatat pertumbuhan

paling tinggi sejak tahun 2012. Pertumbuhan pinjaman terkumpul bagi isi rumah dan perniagaan menjadi sederhana pada tahun 2017. Pertumbuhan pinjaman perniagaan yang lebih rendah adalah menyeluruh, mencerminkan peningkatan yang lebih besar dalam pembayaran balik pinjaman berbanding dengan peningkatan dalam pengeluaran pinjaman. Pertumbuhan hutang isi rumah terus mencatat trend yang sederhana.

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2018

Ekonomi global diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih cepat pada tahun 2018, dipacu terutamanya oleh penggunaan swasta dan dirangsang oleh aktiviti pelaburan dalam ekonomi maju. Di Asia, aktiviti perdagangan akan terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Keadaan pembiayaan akan kekal akomodatif meskipun usaha berterusan untuk mengembalikan dasar monetari global ke paras yang wajar. Dalam ekonomi maju, kekukuhan pelaburan akan berterusan pada sepanjang tahun 2018 dan ekonomi Asia akan terus meraih manfaat daripada limpahan positif daripada sektor luaran. Ekonomi sedang pesat membangun yang lain juga akan menyaksikan peningkatan pertumbuhan, manakala pengeksport komoditi akan melihat peningkatan semula permintaan dalam negeri disebabkan oleh harga minyak mentah global yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, risiko kepada prospek global pada amnya dijangka lebih seimbang. Walau bagaimanapun, beberapa risiko dari tahun 2017 masih wujud. Risiko tersebut termasuklah ketidakpastian berhubung dengan impak pengembalian dasar monetari ke paras yang wajar secara serentak merentas ekonomi utama, dasar perdagangan pandang ke dalam yang mengancam perdagangan antarabangsa, serta risiko geopolitik yang boleh menjejaskan sentimen pasaran kewangan global.

Dalam keadaan ekonomi global yang lebih kukuh, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang sebanyak 5.5% - 6.0% pada tahun 2018. Permintaan dalam negeri akan terus kekal sebagai pengukuh pertumbuhan, disokong oleh aktiviti sektor swasta. Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka kekal mampan, disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam guna tenaga dan pendapatan, inflasi yang lebih rendah dan sentimen yang bertambah baik. Pertumbuhan pendapatan akan didorong oleh prestasi eksport yang mantap dan langkah-langkah Kerajaan berterusan, seperti pindahan tunai Bantuan Rakyat 1Malaysia yang diteruskan, pengurangan cukai pendapatan individu, dan bayaran khas kepada semua penjawat awam dan pesara. Pertumbuhan pelaburan swasta juga akan kekal mampan, disokong oleh perbelanjaan modal yang berterusan dan baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, serta diperkukuh oleh sentimen perniagaan yang terus positif. Perbelanjaan sektor awam diunjurkan merosot disebabkan oleh

penguncupan dalam pelaburan awam dalam keadaan pertumbuhan penggunaan awam yang lebih sederhana.

Selain permintaan dalam negeri, pertumbuhan KDNK juga akan disokong oleh keadaan permintaan luaran yang menggalakkan. Eksport dan import kasar diramalkan meningkat pada trend yang lebih tinggi daripada purata pada tahun 2018. Eksport akan didorong oleh permintaan yang menggalakkan daripada rakan perdagangan utama, pengembangan berterusan dalam kitaran menaik dalam teknologi global, peningkatan dalam kapasiti produktif dalam negeri dan harga komoditi global yang terus mampan. Meskipun lebihan barangan bagi akaun semasa diunjurkan lebih tinggi, defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan akan terus mempengaruhi imbangan akaun semasa. Secara keseluruhannya, imbangan akaun semasa dijangka mencatat lebihan sebanyak 2.0% – 3.0% daripada PNK pada tahun 2018.

Keadaan pasaran pekerja dijangka kekal menggalakkan dan menyokong pertumbuhan, didorong oleh aktiviti ekonomi yang terus kukuh dan sentimen pengambilan pekerja yang bertambah baik. Guna tenaga akan terus berkembang manakala pertumbuhan pewujudan pekerjaan akan cukup teguh untuk menerima pengambilan tenaga kerja baharu. Oleh itu, jangkaan kadar pengangguran secara relatifnya tidah berubah. Pada masa hadapan, beberapa pembaharuan yang dijalankan seperti pelaksanaan Skim Insurans Pekerjaan (Employment Insurance System, EIS) dan Komitmen Mandatori Majikan (Employer Mandatory Commitment), serta kajian semula yang bakal dijalankan terhadap upah minimum, akan meletakkan pasaran pekerja negara pada landasan yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan, selain meningkatkan kesejahteraan keseluruhan tenaga kerja di Malaysia.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi diramalkan berkembang pada tahun 2018. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan kekal menjadi pendorong utama pertumbuhan keseluruhan. Sektor pembinaan dijangka mencatat perkembangan yang lebih kukuh, dipacu oleh projek kejuruteraan awam berbilang tahun yang berskala besar yang baharu dan sedia ada. Pertumbuhan sektor perlombongan juga diunjurkan lebih tinggi, mencerminkan peningkatan pengeluaran gas asli yang berterusan. Sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana, berikutan pemulihan pengeluaran minyak sawit mentah yang luar biasa selepas kejadian El- Niño pada tahun 2017.

Inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2018, berpurata antara 2.0% – 3.0%. Inflasi yang lebih rendah berbanding dengan tahun 2017 disebabkan terutamanya oleh sumbangan yang lebih kecil daripada harga tenaga dan komoditi global. Pengukuhan kadar pertukaran ringgit

berbanding dengan tahun 2017 juga akan mengurangkan kos import. Tekanan inflasi daripada faktor permintaan dalam negeri akan dibendung oleh produktiviti pekerja yang bertambah baik dan pelaburan yang berterusan untuk menambah kapasiti. Namun begitu, prospek inflasi bergantung pada trajektori harga minyak global yang amat tidak menentu.

Secara keseluruhan, prospek ekonomi dicirikan oleh beberapa risiko dari aspek positif. Ini termasuklah permintaan global yang lebih kukuh daripada jangkaan, yang seterusnya akan mencerahkan prospek bagi industri berorientasikan eksport. Potensi peningkatan dalam upah minimum, dan peningkatan kemudahan pengeluaran yang sedia ada dan baharu yang lebih cepat daripada jangkaan dalam pelbagai industri juga akan menyokong prospek pertumbuhan yang lebih menggalakkan. Namun begitu, beberapa risiko pertumbuhan menjadi perlahan masih wujud. Kekukuhan eksport Malaysia terhadap rakan perdagangan utama mungkin terkesan oleh anjakan dasar monetari dan kawal selia yang tidak menggalakkan dalam ekonomi maju, perlindungan perdagangan yang meningkat oleh rakan perdagangan utama dan pertumbuhan RR China yang jauh lebih sederhana daripada jangkaan. Selain itu, ketidaktentuan harga komoditi global yang timbul semula atau pembetulan yang mendadak dalam pasaran kewangan global boleh menjejaskan sentimen, yang seterusnya melembapkan kekukuhan aktiviti ekonomi dalam negeri.

Namun begitu, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk mengharungi rintangan ini sekiranya risiko pertumbuhan yang perlahan menjadi kenyataan. Pembaharuan struktur yang telah dilaksanakan selama ini telah mengurniakan ekonomi negara dengan pelbagai sumber pertumbuhan, penampan yang lebih daripada mencukupi, dan rangka kerja dasar yang teguh. Pada masa hadapan, persekitaran ekonomi yang positif akan menyediakan ruang dasar yang cukup banyak kepada penggubal dasar untuk meneruskan pembaharuan yang diperlukan. Pasaran kewangan dalam negeri mempunyai daya tahan dan berada pada kedudukan yang baik untuk mengantara perubahan aliran modal yang besar, sekiranya berlaku peningkatan volatiliti dalam pasaran kewangan. Pada asasnya, penggubal dasar mempunyai alat, keupayaan dan fleksibiliti untuk melaksanakan langkah-langkah yang diperlukan bagi mengemudi ekonomi ke arah pertumbuhan yang mantap.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2018

Pada tahun 2018, dasar monetari akan tertumpu pada usaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan kestabilan harga. Memandangkan prospek makroekonomi yang kekal positif dan kadar pertumbuhan yang kukuh, MPC mengambil keputusan untuk mengembalikan

dasar akomodatif monetari ke paras yang wajar pada mesyuarat MPC pada bulan Januari 2018. MPC menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. MPC juga menyedari akan perlunya untuk mengelak daripada berlakunya pertambahan risiko yang mungkin timbul daripada kadar faedah yang terlalu rendah untuk tempoh masa yang lama, meskipun risiko ketidakseimbangan kewangan pada masa ini masih terkawal. MPC akan memantau dengan teliti prospek ekonomi, termasuklah impak pelarasan OPR pada bulan Januari 2018. Operasi monetari Bank akan terus memastikan mudah tunai sistem kewangan dalam negeri kekal mencukupi untuk menyokong pasaran kewangan domestik untuk berfungsi dengan teratur.

Dasar fiskal pada tahun 2018 akan terus memberikan tumpuan pada pengukuhan kedudukan fiskal Kerajaan, di samping memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan lebih inklusif. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka terus mengecil, disokong oleh inisiatif untuk mengoptimumkan perbelanjaan dan meningkatkan hasil. Seperti yang digariskan dalam Bajet 2018, perbelanjaan fiskal akan mengutamakan projek-projek infrastruktur yang berimpak tinggi, serta inisiatif yang membina keupayaan serta meningkatkan produktiviti. Selaras dengan usaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif, program peningkatan kebajikan dan bantuan fiskal akan memberi sokongan kepada segmen berpendapatan rendah dan sederhana untuk menangani kos sara hidup yang lebih tinggi.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2017

Seperti yang diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, kekal kukuh pada tahun 2017. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM449.8 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM7.5 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Bank Negara Malaysia mengumumkan dividen sebanyak RM2.5 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2017.

Bank Negara Malaysia
28 Mac 2018

Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2015	2016	2017*a*	2018*r*
Populasi (juta orang)	31.2	31.6	32.1	32.9
Tenaga kerja (juta orang)	14.5	14.7	15.0	15.3
Guna tenaga (juta orang)	14.1	14.2	14.5	14.8
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.1	3.4	3.4	3.2 ~ 3.5
Pendapatan Per Kapita (RM)	36,093	37,792	41,072	42,834
(USD)	9,242	9,110	9,551	10,885[3]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2010	5.0	4.2	5.9	5.5 ~ 6.0
(RM bilion)	1,063.4	1,108.2	1,173.6	1,240.1
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1.3	-5.1	7.2	3.6
Perlombongan dan pengkuarian	5.3	2.2	1.1	1.8
Perkilangan	4.9	4.4	6.0	5.9
Pembinaan	8.2	7.4	6.7	7.3
Perkhidmatan	5.1	5.6	6.2	6.1
PNK nominal	5.2	6.2	10.1	6.9
(RM bilion)	1,125.6	1,195.5	1,316.3	1,407.6
PNK benar	6.8	4.4	6.1	5.6
(RM bilion)	1,039.0	1,084.9	1,150.8	1,215.0
Agregat permintaan dalam negeri benar[1]	5.1	4.3	6.5	5.7
Perbelanjaan swasta	6.1	5.6	7.5	7.6
Penggunaan	6.0	6.0	7.0	7.2
Pelaburan	6.3	4.3	9.3	9.1
Perbelanjaan awam	2.1	0.4	3.3	-0.9
Penggunaan	4.4	0.9	5.4	0.6
Pelaburan	-1.1	-0.5	0.1	-3.2
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	29.0	29.1	29.2	28.8
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	109.2	101.4	118.1	120.5
Eksport	681.3	686.1	808.9	865.9
Import	572.1	584.7	690.8	745.3
Imbangan perkhidmatan	-20.6	-19.1	-23.1	-23.2
Pendapatan primer, bersih	-32.1	-34.6	-36.1	-39.1
Pendapatan sekunder, bersih	-21.3	-18.6	-18.6	-19.3
Imbangan akaun semasa	35.2	29.0	40.3	38.9
(% daripada PNK)	3.1	2.4	3.1	2.0 ~ 3.0
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[2]	409.1	423.9	414.6	-
(dalam bulan import tertangguh)	8.4	8.7	7.2	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2010=100)	2.1	2.1	3.7	2.0 ~ 3.0
IHPR (2010=100)	-7.4	-1.1	6.7	-
Upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan	3.7	4.1	2.2	-

[1] Tidak termasuk stok
[2] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank
[3] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2018
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia